

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/312 • Khamis, 29 Jun 2023 / 10 Zulhijah 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:37AM • SUBUH 4:42AM • SYURUK 6:12AM • DOHA 6:36AM • ZOHOR 12:25PM • ASAR 3:51PM • MAGHRIB 6:36PM • ISYAK 7:52PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

UNISSA anjur kempen kebersihan

Oleh Syahmi Hassan
Gambar serahan UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 JUN – Dalam usaha memberi kesedaran kepada pelajar akan kepentingan menjaga dan memelihara kebersihan alam sekitar, Bahagian Khidmat Masyarakat, Unit Kokurikulum, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah

mengadakan kempen kebersihan di kawasan letak kereta Kampung Sungai Kebun dan kawasan Taman Peranginan Tasek Lama, baru-baru ini.

Kempen yang disertai oleh 22 pelajar UNISSA itu bertujuan menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan pelajar untuk memelihara alam sekitar serta

membantu pelajar peka dan prihatin akan kebersihan alam persekitaran.

Selain itu, ia juga sebagai salah satu langkah positif untuk mengekalkan keindahan alam semula jadi serta melindungi alam sekitar dalam sama-sama mengamalkan budaya kebersihan.



Pelajar bergambar bersama sampah yang dikumpul selepas kempen kebersihan yang diadakan baru-baru ini.

